



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS PELUNCURAN
DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040
(PTKL 2040)

30 JANUARI 2024

INSTITUT LATIHAN DBKL

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita bertemu dan berkumpul pada hari ini dalam Majlis Peluncuran Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan terima kasih kepada para hadirin sekalian yang hadir bersama-sama dalam menyaksikan satu detik bersejarah yang akan dicipta pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

3. Kuala Lumpur telah melalui sejarah yang panjang sejak pembinaannya pada tahun 1857. Pada 1 Februari 1974, Kuala Lumpur telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Perjanjian Penyerahan Kuala Lumpur yang disaksikan sendiri oleh Raja-Raja Melayu di Istana Negara.

4. Sehingga kini, Kuala Lumpur telah berkembang dari pelbagai aspek termasuk menyumbang sebanyak lebih RM 200 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK Negara.

5. Dari sebuah pekan kecil perlombongan bijih timah, Kuala Lumpur terus menempa nama dan dikenali di seluruh dunia. Perubahan demi perubahan mewarnai wajah Kuala Lumpur yang pesat membangun sebagai ibu negara Malaysia. Dua (2) hari lagi genaplah 50 tahun Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan.

6. Pada tahun 2024 ini, Kuala Lumpur tersenarai di kedudukan ke-18 bandar raya terbaik dunia berdasarkan Britons Ranking.

7. Selain itu, Kuala Lumpur juga diiktiraf di kedudukan ke-8 bandar yang paling suka didiami oleh ekspatriat mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Forbes dan di tangga ke-6 untuk bandar paling ramai pengunjung berdasarkan kajian Indeks Bandar Destinasi Global yang dijalankan oleh pihak MasterCard.

8. Pencapaian ini menunjukkan bahawa Kuala Lumpur telah berkembang pesat di persada antarabangsa. Namun begitu, kita tak boleh berasa selesa dengan pencapaian yang kita kecapai ini. Banyak penambahbaikan perlu dilaksanakan untuk memastikan Kuala Lumpur ini kekal sebagai Bandar Untuk Semua dan terus berdaya huni.

9. Suka untuk saya mengajak kita semua mengimbau kembali detik Kuala Lumpur dianugerahkan taraf Bandar Raya pada tahun 1972 dan kemudiannya diisytihar sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 1974.

10. Yang di-Pertuan Agong pada ketika itu dalam titah ucapannya mendoakan semoga Kuala Lumpur akan terus maju dan makmur serta menjadi lambang perpaduan rakyat seluruh negara dan mencerminkan kemajuan bangsa dan negara Malaysia setanding dengan ibu kota negara-negara yang maju di dunia ini.

11. Sebegitu tinggi harapan payung negara, sepatutnya setinggi itu jugalah harapan kita semua untuk terus memastikan Kuala Lumpur bergerak maju dan pantas dalam mencapai wawasan negara serta menghadapi cabaran global.

Para hadirin sekalian,

12. Justeru, pihak DBKL telah menyediakan draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 yang akan saya luncurkan pada hari ini.

13. Pelan Tempatan Kuala Lumpur atau PTKL ini merupakan satu pelan terperinci yang menterjemahkan polisi-polisi dan cadangan-cadangan yang terkandung dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 yang telah diwartakan pada 19 Oktober 2023 yang lalu.

14. Bertepatan dengan tema Sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan pada tahun ini, iaitu 'Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni', PTKL ini dirangka dengan menitik beratkan kepentingan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang mesra didiami oleh segenap lapisan masyarakat dan menjadi tumpuan

kepada pelancongan serta pelaburan untuk dekad-dekad mendatang.

15. Pelan Tempatan ini merupakan satu dokumen yang penting dalam menentukan hala tuju serta kemampuan pelaksanaan pembangunan di Kuala Lumpur menjelang tahun 2040 iaitu dalam tempoh 16 tahun yang akan datang.

16. Pelan Tempatan ini juga nanti, akan menjadi rujukan kepada saya selaku Menteri yang menjaga hal ehwal Wilayah Persekutuan apabila saya mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa OAC Khas nanti.

Para hadirin yang dimuliakan,

17. Dalam kepesatan pembangunan di tengah kota raya metropolitan Kuala Lumpur ini, saya ingin tekankan bahawa peningkatan darjat hidup rakyat, khususnya golongan berpendapatan B40 perlu juga untuk kita berikan perhatian yang serius.

18. Sehubungan itu, penyusunan semula dan penetapan baharu zon guna tanah seperti pengenalan zon khusus bagi Kediaman Mampu Milik dilihat akan dapat menterjemah kesungguhan kerajaan dalam merencanakan lagi pembangunan Perumahan MADANI untuk golongan sasaran.

19. Saya juga difahamkan melalui Draf PTKL ini, kawasan-kawasan yang berkepentingan awam seperti kemudahan masyarakat dan kawasan lapang juga telah disusun pendefinisiannya dalam memastikan kawalan lebih menyeluruh mampu dilaksanakan oleh pihak DBKL dan agensi berkaitan.

Para hadirin sekalian,

20. Adalah tidak sempurna sekiranya pelan yang disediakan ini tidak memperhalusi pandangan serta ulasan oleh komuniti awam mahupun pihak-pihak yang berkepentingan.

21. Sehubungan itu, saya mengalu-alukan semua pihak termasuk wakil agensi kerajaan, swasta, industri, NGO mahupun warga kota untuk mengambil bahagian dalam sesi pendengaran awam ini dan berikan sebanyak mungkin pandangan, cadangan serta idea terhadap kandungan Draf PTKL 2040 ini untuk diteliti oleh jawatankuasa yang terlibat.

22. Untuk makluman semua, sesi pendengaran awam ni akan bermula pada esok, 31 Januari 2024 dan akan berakhir dalam tempoh sebulan.

23. Akhir kata, saya mendoakan semoga dengan adanya penglibatan semua pihak dalam penyediaan Pelan Tempatan ini akan lebih memantapkan lagi pelan pembangunan di Kuala Lumpur dan seterusnya menjulang Kuala Lumpur ke satu tahap yang lebih baik.

24. Dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini meluncurkan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.